

MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

PELAN PENGURUSAN BENCANA SEBERANG PERAI (2018)

BAHAGIAN I: PERMULAAN

PERKARA 1: TAJUK RINGKAS DAN PERMULAAN KUAT KUASA

1. Pelan ini bolehlah dinamakan sebagai Pelan Pengurusan Bencana Seberang Perai
2. Pelan ini mula berkuat kuasa pada tarikh Pelan ini ditandatangani oleh YBhg Dato' Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai sebagai Pengarah Gerakan Bencana Seberang Perai dan terpakai kepada semua Jabatan dalaman Majlis Perbandaran Seberang Perai

PERKARA 2: TUJUAN

3. Pelan ini bertujuan untuk menyelaraskan Arahan MKN No. 20: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara di Seberang Perai
4. Pelan ini bertujuan menggariskan Mekanisme Pengurusan Bencana secara menyeluruh meliputi peringkat sebelum, semasa dan selepas sesuatu kejadian Bencana di Seberang Perai. Pelan ini juga menjelaskan peranan Agensi Kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan – badan sukarela dalam pengurusan bencana di Seberang Perai.

PERKARA 3: OBJEKTIF

5. Objektif Pelan ini adalah seperti berikut :
 - (a) Memastikan tindakan bantuan awalan terhadap aduan kecemasan dan bencana mengikut tempoh masa yang ditetapkan iaitu antara **30 hingga 60 minit** bergantung kepada keadaan lalulintas ke tempat kejadian;
 - (b) Memastikan semua pegawai dan anggota yang bertugas melaksanakan operasi bantuan mengikut Pelan Tindakan Tetap Pengurusan Kecemasan dan Bencana serta mematuhi Arahan Keselamatan yang telah digariskan dalam melaksanakan tugas-tugas yang melibatkan bencana alam;
 - (c) Penyelarasan bantuan awalan bersama jabatan dalaman, agensi keselamatan dan Penyelaras Bencana Daerah.

PERKARA 4: TAFSIRAN

6. Bagi maksud Pelan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki tafsiran yang lain, perkataan-perkataan di bawah hendaklah mempunyai tafsiran yang berikut —

“Agensi Bantuan dan Pemulihan” ertinya agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk menyediakan bantuan kebajikan, khidmat kaunseling, logistik dan sebagainya dalam pengurusan bencana negara;

“Agensi Kerajaan” ertinya semua agensi yang ditubuhkan oleh Kerajaan di semua lapisan pentadbiran sama ada di peringkat Pusat, Negeri dan Daerah termasuk Pihak Berkuasa Tempatan;

“Agensi Peneraju Utama” ertinya agensi yang dipertanggungjawabkan untuk menerajui pengurusan bencana;

“Agensi Peneraju” ertinya agensi yang dipertanggungjawabkan mengurus sesuatu kejadian Bencana mengikut bidang kepakaran masing-masing;

“Agensi Penyelamat” ertinya agensi Kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan operasi mencari dan menyelamatkan serta memberi perkhidmatan perubatan kecemasan dan bantuan logistik lain ketika sesuatu kejadian bencana;

“Bencana” ertinya suatu kejadian yang menyebabkan gangguan kepada aktiviti masyarakat dan urusan Negara, melibatkan kehilangan nyawa, kerosakan harta benda, kerugian ekonomi dan kemusnahan alam sekitar yang melangkaui kemampuan masyarakat untuk mengatasinya dan memerlukan tindakan penggemblengan sumber yang ekstensif;

“Darurat Bencana” ditakrifkan sebagai satu keadaan Bencana besar yang melibatkan banyak nyawa terkorban, kemusnahan harta benda yang ekstensif, menggugat keadaan sosial, ekonomi dan politik serta keselamatan dan ketenteraman awam;

“Kejadian Bukan Bencana” ertinya kejadian atau kemalangan yang bersifat kecemasan yang melibatkan sejumlah kecil mangsa dan kesannya hanya kepada mangsa terlibat. Kejadian atau kemalangan yang bercorak ini tidak mempunyai kemungkinan untuk merebak. Kejadian atau kemalangan ini kebiasaannya dapat dikendalikan dalam tempoh masa yang singkat oleh agensi-agensi yang berkenaan dengan menggunakan sumber atau kemudahan yang minima di peringkat tempatan;

“Kesedaran Awam” ertinya pengetahuan umum mengenai Bencana dan risiko serta faktor berlakunya Bencana dan tindakan yang boleh diambil secara individu atau secara kolektif untuk mengurangkan kejadian dan kesan Bencana;

“Kesiapsiagaan” ertinya pengetahuan dan keupayaan yang dibangunkan oleh agensi, masyarakat dan individu supaya berkebolehan untuk menjangka, bertindak balas, dan pulih daripada kesan-kesan Bencana secara efektif;

“Pemulihan” ertinya proses membaikpulih dan menambahbaik yang bersesuaian terhadap kemudahan dan kehidupan masyarakat yang terjejas akibat Bencana termasuk langkah mengurangkan faktor risiko Bencana;

“Pencegahan” ertinya usaha-usaha yang dijalankan bagi mengelak sesuatu kejadian Bencana daripada berlaku;

“Pengurangan Risiko Bencana” ertinya satu konsep dan amalan secara sistematik untuk menganalisa dan menguruskan faktor penyebab Bencana, termasuk mengurangkan keterdedahan terhadap bahaya Bencana dan kemusnahan harta benda, mengamalkan pengurusan tanah dan alam sekitar yang mapan, serta mempertingkatkan Kesiapsiagaan individu, masyarakat dan agensi untuk menghadapi Bencana;

“Peredaan” ertinya usaha-usaha yang dijalankan bagi mengurangkan impak sesuatu kejadian Bencana;

“Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK)” ertinya tempat di mana Komander Operasi Bencana menyelaras dan menentukan aturgerak Agensi Penyelamat dan Agensi Bantuan dan Pemulihan bagi mengendalikan operasi mencari dan menyelamatkan di samping memastikan perkara-perkara berkaitan keselamatan dan ketenteraman awam dikendalikan dengan baik;

“Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB)” ertinya tempat di mana Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana setiap peringkat menyelaras dan mengawasi perkembangan usaha-usaha menangani Bencana, operasi mencari dan menyelamatkan serta bantuan kecemasan dilaksanakan dengan segera, teratur, terselaras dan berkesan;

“Sistem Amaran Awal” ertinya sistem untuk menjana dan menyebarkan amaran berkenaan sesuatu kejadian Bencana dalam tempoh masa yang bersesuaian bagi membolehkan individu, masyarakat dan organisasi bersiap sedia dan bertindak sewajarnya dalam tempoh masa yang mencukupi untuk mengurangkan kemungkinan kerosakan harta benda dan kehilangan nyawa; dan

“Tindak Balas” ertinya tindakan penyediaan perkhidmatan kecemasan dan bantuan awam semasa atau sebaik sahaja berlakunya Bencana dengan tujuan menyelamatkan nyawa, menjamin keselamatan awam dan membantu dari segi keperluan asas mangsa Bencana.

PERKARA 5: KEJADIAN BENCANA

7. Kejadian Bencana di bawah Pelan ini adalah:

- (a) Bencana alam seperti kejadian pokok tumbang, banjir, ribut/taufan, gempa bumi, tsunami, ombak besar, kemarau dan tanah runtuh;
- (b) Bencana industri termasuklah kejadian letupan, kebakaran, pencemaran dan kebocoran bahan-bahan berbahaya (*hazardous materials*) di kilang, loji dan depot yang memproses, mengeluarkan dan menyimpan bahan-bahan berkenaan;
- (c) Kemalangan melibatkan pengangkutan, penyaluran dan pemindahan bahan-bahan berbahaya;
- (d) Keruntuhan bangunan dan struktur khas;
- (e) Kemalangan udara yang berlaku di kawasan yang berkependudukan tinggi;
- (f) Pelanggaran atau kegelinciran keretapi dan lain-lain sistem pengangkutan rel yang melibatkan jumlah mangsa dan kemusnahan harta benda yang besar;
- (g) Kebakaran yang melibatkan kawasan yang luas termasuklah kebakaran bangunan tinggi dan struktur khas yang mempunyai ramai orang;
- (h) Kejadian empangan/takungan air pecah;
- (i) Kemalangan kimia, biologi, radiologi dan nuklear melibatkan pemasangan atau yang berkaitan dengannya yang mana kemalangan ini berkemungkinan boleh merebak dan mengakibatkan kehilangan nyawa, kemusnahan harta benda atau pencemaran alam sekitar serta menjejaskan aktiviti setempat;
- (j) Kejadian jerebu yang boleh menimbulkan keadaan kecemasan alam sekitar yang menggugat keselamatan, kesihatan dan ketenteraman awam, perjalanan pentadbiran Kerajaan dan aktiviti ekonomi Negara;
- (k) Kejadian penularan wabak penyakit berjangkit yang tidak terkawal/pandemik; dan
- (l) Lain-lain kejadian Bencana yang akan diisytiharkan dan ditetapkan oleh Kerajaan.

Bencana Maritim

8. Kejadian Bencana maritim yang berpunca daripada kejadian kemalangan atau kecemasan maritim yang melibatkan nyawa dan harta benda, dikendalikan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) sebagai Agensi Peneraju dengan menggunakan Manual Mencari dan Menyelamat (SAR) Kebangsaan, *International Aeronautical and Maritime Search and Rescue* (IAMSAR) Malaysia Jilid IV. Bagi kejadian tumpahan minyak atau kemalangan yang melibatkan pencemaran atau kemusnahan alam sekitar maritim akan dikendalikan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) sebagai Agensi Peneraju dengan menggunakan Rancangan Kontingensi Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak/Bahan Pencemaran.

Bencana Udara

9. Kejadian Bencana udara yang berpunca daripada kejadian kemalangan atau kecemasan udara terutamanya yang melibatkan kapal terbang secara amnya dikendalikan oleh Jabatan Penerbangan Awam (DCA) sebagai Agensi Peneraju dengan menggunakan Manual SAR Kebangsaan, IAMSAR Malaysia Jilid IV.
10. Walau bagaimanapun, kemalangan atau kecemasan udara yang berlaku di kawasan yang berkependudukan tinggi di Seberang Perai adalah tertakluk kepada pelan ini.

Kemalangan Kimia, Radiologi Dan Nuklear

11. Kejadian Bencana akibat kemalangan kimia, radiologi dan nuklear serta bahan – bahan berbahaya dikendalikan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sebagai Agensi Penyelamat dalam menangani Bencana ini. Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) bertanggungjawab sebagai Agensi Peneraju dalam memberikan khidmat kepakaran dan teknikal dalam pengurusan Bencana radiologi dan nuklear.

Bencana Jerebu

12. Bencana jerebu diisytiharkan apabila tahap bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) meningkat ke satu tahap yang menimbulkan keadaan kecemasan alam sekitar yang menggugat keselamatan, kesihatan dan ketenteraman awam, perjalanan pentadbiran Kerajaan dan aktiviti ekonomi Negara. Kejadian jerebu yang biasa dikendalikan oleh JAS sebagai Agensi Peneraju berdasarkan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan.

Bencana Wabak Penyakit Berjangkit/Pandemik/Kemalangan Biologi

13. Kejadian penularan wabak berjangkit/pandemik yang tidak terkawal serta Bencana akibat daripada kemalangan biologi di Seberang Perai adalah tertakluk di bawah Pelan ini. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bertanggungjawab sebagai Agensi Peneraju dalam pengurusan kejadian wabak dan Bencana akibat kemalangan biologi.

PERKARA 6: KEJADIAN BUKAN BENCANA

14. Kejadian yang tidak disenaraikan di Perkara 5 adalah ditakrifkan sebagai Kejadian Bukan Bencana dan dikendalikan sebagai kejadian kecemasan perbandaran dibawah pelan ini seperti kemalangan kenderaan, kebakaran kecil atau kemalangan kecil di tasik atau sungai. Kejadian-kejadian ini kebiasaannya dapat dikendalikan dalam tempoh masa yang spesifik oleh Agensi Penyelamat dengan menggunakan sumber atau kemudahan yang minima.

BAHAGIAN II: TANGGUNGJAWAB PENGURUSAN BENCANA

PERKARA 7: TANGGUNGJAWAB AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA (NADMA)

15. (a) NADMA adalah Agensi Peneraju Utama Pengurusan Bencana Negara. NADMA bertanggungjawab menyelaras pengurusan Bencana Negara dan bertanggungjawab untuk membentuk serta memastikan segala dasar dan mekanisme pengurusan Bencana Negara dipatuhi dan dilaksanakan di setiap peringkat pengurusan Bencana.

(b) Tanggungjawab NADMA sebagai Agensi Peneraju Utama pengurusan Bencana Negara adalah seperti di **Lampiran A**.

PERKARA 8: TANGGUNGJAWAB SKUAD KHAS

16. (a) Skuad Khas adalah Agensi Peneraju Utama Pengurusan Bencana Seberang Perai. Skuad Khas bertanggungjawab menyelaras pengurusan Bencana Seberang Perai dan bertanggungjawab untuk membentuk serta memastikan segala mekanisme pengurusan Bencana Seberang Perai dipatuhi dan dilaksanakan semasa pengurusan Bencana.

(b) Tanggungjawab Skuad Khas sebagai Agensi Peneraju Utama pengurusan Bencana Seberang Perai adalah seperti di **Lampiran B**.

BAHAGIAN III: MEKANISME PENGURUSAN BENCANA

PERKARA 9: JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA

17. (a) Arahan MKN No. 20 mengariskan Pengurusan Bencana hendaklah dikendalikan berasaskan tiga (3) peringkat pengurusan seperti berikut:

- i) Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP);
- ii) Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN); dan
- iii) Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD).

(b) Bagi memastikan kelancaran Tindakan Pengurusan Bencana secara keseluruhan yang dikendalikan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Jawatankuasa Pengurusan Bencana peringkat MPSP ditubuhkan.

(c) Keanggotaan, bidangtugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Pengurusan Bencana MPSP adalah seperti di **Lampiran C**.

PERKARA 10: CARTA PERANAN JABATAN TERLIBAT DALAM PENGURUSAN BENCANA

18. Carta peranan Jabatan-jabatan yang terlibat dalam pengurusan bencana adalah seperti di **Lampiran D**.

PERKARA 11: STRATEGI PENGURUSAN BENCANA

19. Strategi 1 : Koordinasi Keanggotaan

Semua pegawai dan anggota yang terlibat diarah dari semasa ke semasa supaya melaksanakan pemantauan ke atas kawasan-kawasan yang berisiko terjadinya bencana terutamanya pada musim hujan dan ribut. Pegawai dan anggota diarah dari semasa ke semasa bertugas secara bergilir selama 24 jam mengikut jadual yang telah ditetapkan bagi meningkatkan kesiapsiagaan bagi menghadapi sebarang kemungkinan berlakunya kejadian bencana.

20. Strategi 2 : Koordinasi Logistik

Memastikan semua peralatan, jentera dan kenderaan yang dibekalkan berada dalam keadaan baik dan diselenggara mengikut jadual yang ditetapkan.

21. Strategi 3 : Koordinasi Ke Atas Mangsa

Membantu mangsa-mangsa yang terlibat dengan menggunakan kelengkapan logistik majlis serta bantuan tenaga anggota bagi memastikan kerja-kerja pemindahan berjalan lancar.

PERKARA 12: KITARAN PENGURUSAN BENCANA

22. Kitaran Pengurusan Bencana adalah seperti di **Lampiran E**.

PERKARA 13: CARTA ALIRAN INDUK PENGURUSAN BENCANA

23. Carta Aliran Induk Pengurusan Risiko Bencana (*Disaster Risk Management*) adalah seperti di **Lampiran F**

24. Carta Aliran Induk Pengurusan Krisis Bencana (*Disaster Crisis Management*) adalah seperti di **Lampiran G**

25. Carta Aliran Induk Pengurusan Pemulihan Bencana (*Disaster Recovery Management*) adalah seperti di **Lampiran H**

BAHAGIAN IV: PENGURUSAN RISIKO BENCANA: PENCEGAHAN DAN PEREDAAN

PERKARA 14: PENCEGAHAN DAN PEREDAAN (*MITIGATION*)

26. Tindakan pencegahan dan peredaan yang dijalankan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai adalah seperti berikut :

- (a) pembersihan sistem saliran dan perparitan :
 - i. parit monsun ;
 - ii. longkang kawasan perumahan ;
 - iii. parit perimeter/parit tepi jalan ;
 - iv. *scupper drain* ;
- (b) pembersihan perangkap sampah :
 - i. parit monsun ;
 - ii. longkang kawasan perumahan ;
 - iii. rumah pam ;
- (c) penyelenggaraan Pokok :
 - i. penyelenggaraan berkala ;
 - ii. penyelenggaraan pokok berisiko tumbang ;
- (d) pemantauan kawasan berisiko penyebaran wabak :
 - i. semak samun ;
 - ii.
- (e) pemantauan anjing liar ;
- (f) pemantauan cerun bukit kawasan tapak projek pembangunan ;
- (g) pemantauan sistem perparitan kawasan tapak projek pembangunan.

27. Tindakan pencegahan dan peredaan yang dijalankan oleh *Community Based Disaster Risk Management (CBDRM)* dan *Seberang Perai Humanitarian, Emergency and Risk Reduction Efforts (SPHERE)*:

- (a) Pemantauan kawasan berisiko di sekitar kawasan perumahan :
 - i. pemantauan sistem perparitan ;
 - ii. pemantauan pokok yang berisiko ;
 - iii. pemantauan kawasan berisiko penyebaran wabak ;
 - iv. pemantauan anjing liar ;
 - v. pemantauan cerun bukit.

28. Perintah Tetap Operasi bagi Tindakan pencegahan dan peredaan adalah seperti di **Lampiran I**

BAHAGIAN V: PENGURUSAN RISIKO BENCANA: KESIAPSIAGAAN

PERKARA 15: LANGKAH KESIAPSIAGAAN (*PREPAREDNESS*)

29. Tindakan kesiapsiagaan yang dijalankan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai :

- (a) kesiapsiagaan anggota :
 - i. Unit Skwad Khas ;
 - ii. Pasukan Respond Jabatan Perkhidmatan Perbandaran ;
 - iii. Pasukan Respond Jabatan Landskap ;
 - iv. Pasukan Respond Jabatan Kejuruteraan ;
 - v. Pasukan Respond Direktorat Penguatkuasaan ;
- (b) kesiapsiagaan kenderaan ;
- (c) kesiapsiagaan peralatan dan jentera.

30. Tindakan kesiapsiagaan yang dijalankan oleh *Community Emergency Response Team (CERT)* :

- (a) kesiapsiagaan anggota ;
- (b) kesiapsiagaan peralatan.

31. Tindakan kesiapsiagaan yang dijalankan oleh *Seberang Perai Humanitarian, Emergency and Risk Reduction Efforts (SPHERE)*:

- (a) kesiapsiagaan anggota ;
- (b) kesiapsiagaan peralatan.

32. Tindakan kesiapsiagaan yang dijalankan oleh syarikat swasta (Bantuan CSR) :

- (a) kesiapsiagaan anggota ;
- (b) kesiapsiagaan peralatan ;
- (c) Kesiapsiagaan kenderaan dan jentera.

33. Tindakan kesiapsiagaan yang dijalankan oleh agensi kerajaan (Bantuan PBT) :

- (a) kesiapsiagaan anggota ;
- (b) kesiapsiagaan peralatan ;
- (c) Kesiapsiagaan kenderaan dan jentera.

34. Tindakan kesiapsiagaan Instalasi utama Majlis Perbandaran Seberang Perai :

(a) Penaksiran risiko bencana ;

(b) Kesiapsiagaan :

- i. Rumah pam
- ii. Kolam takungan banjir
- iii. Depoh / tapak semaian
- iv. Dewan orang ramai
- v. Kompleks makanan dan pasar awam
- vi. Ibupejabat / pejabat cawangan

35. Perintah Tetap Operasi bagi Tindakan kesiapsiagaan adalah seperti di **Lampiran J**

PERKARA 16: LATIH AMAL (*DRILL*)

36. Latih amal pengurusan dan pengendalian Bencana yang melibatkan semua Jabatan dan masyarakat hendaklah diadakan sekali setahun bagi memastikan kesiapsiagaan menghadapi bencana dapat dipertingkatkan.

37. Perintah Tetap Operasi bagi latih amal adalah seperti di **Lampiran K**

PERKARA 17: KESEDARAN DAN KEPENDIDIKAN AWAM (*AWARENESS*)

38. Program kesedaran dan kependidikan awam hendaklah dilaksanakan secara berterusan oleh Agensi Kerajaan dengan kerjasama badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela bagi meningkatkan tahap Kesiapsiagaan masyarakat menghadapi Bencana.

39. Perintah Tetap Operasi bagi program kesedaran dan kependidikan awam adalah seperti di **Lampiran L**

BAHAGIAN VI: PENGURUSAN RISIKO BENCANA: SISTEM AMARAN AWAL

PERKARA 18: SISTEM AMARAN AWAL BENCANA (*EARLY WARNING SYSTEM*)

40. Sistem amaran awal yang disediakan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai adalah seperti berikut :
- (a) pemantauan paras parit monsun ;
 - (b) pemantauan perangkap sampah ;
 - (c) ramalan cuaca dan pasang surut air laut.
41. Perintah Tetap Operasi bagi sistem amaran awal adalah seperti di **Lampiran M**

BAHAGIAN VII: PENGURUSAN KRISIS BENCANA: PENAKSIRAN IMPAK

PERKARA 19: TAHAP PENGURUSAN BENCANA

42. Mengikut Arahan MKN No. 20, Pengurusan Bencana hendaklah dikendalikan mengikut tahap-tahap seperti berikut:
- (a) “Pengurusan Bencana Tahap I” ialah pengurusan dan pengendalian kejadian Bencana yang berlaku di sesuatu kawasan dan ianya dapat ditangani dengan berkesan oleh agensi-agensi yang terlibat di dalam pengurusan Bencana di Peringkat Daerah sama ada tanpa bantuan luar atau dengan bantuan luar yang terhad.
 - (b) “Pengurusan Bencana Tahap II” ialah pengurusan dan pengendalian kejadian Bencana yang berlaku melebihi daripada satu daerah di negeri yang sama yang memerlukan penggemblengan sumber di Peringkat Negeri dengan bantuan daripada Peringkat Pusat yang terhad.
 - (c) “Pengurusan Bencana Tahap III” ialah pengurusan dan pengendalian kejadian Bencana yang berlaku melebihi daripada satu negeri atau bersifat kompleks yang memerlukan penyelarasan dan penggemblengan sumber di Peringkat Pusat atau dengan bantuan luar negara.

PERKARA 19: PENAKSIRAN IMPAK (*IMPACT ASSESSMENT*)

43. Pelan ini menggariskan tindakan Pengurusan Bencana hendaklah dikendalikan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai mengikut tahap-tahap seperti berikut:

- (a) “Pengurusan Bencana tier I (Biru)” ialah pengurusan dan pengendalian kejadian Bencana yang berlaku di sesuatu kawasan dan ianya dapat ditangani dengan berkesan oleh Skuad tanpa bantuan luar atau dengan bantuan luar yang terhad.
- (b) “Pengurusan Bencana tier II (Kuning)” ialah pengurusan dan pengendalian kejadian Bencana yang berlaku melebihi daripada satu kawasan yang memerlukan pengemblengan sumber di Peringkat Majlis dengan bantuan daripada jabatan-jabatan yang terlibat.
- (c) “Pengurusan Bencana tier III (Merah)” ialah pengurusan dan pengendalian kejadian Bencana yang berlaku melebihi daripada satu kawasan atau bersifat kompleks yang memerlukan penyelarasan dan pengemblengan sumber di Peringkat Daerah atau dengan bantuan Agensi Kerajaan lain.

44. Tahap Pengurusan Bencana adalah bergantung kepada penilaian Jawatankuasa Pengurusan Bencana. Penilaian tersebut hendaklah berdasarkan elemen-elemen seperti berikut:

- (a) kompleksiti dan magnitud;
- (b) kemusnahan dan kerosakan;
- (c) kemampuan sumber kewangan, tenaga manusia dan kelengkapan;
- (d) kepakaran;
- (e) bantuan; dan
- (f) tempoh masa Tindak Balas.

45. Perintah Tetap Operasi bagi penaksiran impak adalah seperti di **Lampiran N**

BAHAGIAN VIII: PENGURUSAN KRISIS BENCANA: MEKANISME TINDAK BALAS BENCANA

PERKARA 20: MEKANISME TINDAK BALAS BENCANA (*RESPONSES*)

Perintah dan Kawalan

46. Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) dan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) hendaklah ditubuhkan bagi memastikan tindakan menangani kejadian Bencana dilaksanakan secara teratur, terselaras dan berkesan.
47. PKTK akan diketuai oleh Komander Operasi Bencana dan di bantu oleh Komander Kawalan Hadapan.
48. PKOB akan diketuai oleh Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana.
49. Struktur perintah dan kawalan adalah seperti di **Lampiran O**

Pembukaan dan Penutupan PKOB

50. Perintah Tetap Operasi bagi pembukaan dan penutupan PKOB adalah seperti di **Lampiran P**

Tindak Balas Bencana

51. Pelan ini menggariskan tindak balas bencana seperti berikut :
 - (a) Operasi rumah pam :
 - i. Pengaktifan rumah pam ;
 - ii. Pembersihan perangkap sampah ;
 - (b) Banjir :
 - i. Pembersihan sistem saliran ;
 - ii. Pembersihan perangkap sampah ;
 - (c) Pokok tumbang :
 - i. Menghalang laluan ;
 - ii. Menimpa struktur ;
 - iii. Tiada gangguan fizikal ;
 - (d) Tanah runtuh :
 - i. Pembersihan sisa runtuhan ;
 - ii. Penstabilan cerun ;
 - (e) Pandemik dan wabak :
 - i. Denggi ;
 - ii. Rabies ;

- (f) Halangan lalulintas ;
- (g) Bantuan pemindahan ;
- (h) Operasi SAR ;
- (i) Pemadaman kebakaran ;
- (j) Kemalangan ;
- (k) Kemarau ;
- (l) Gempa bumi ;
- (m) Jerebu ;

52. Perintah Tetap Operasi bagi tindak balas bencana adalah seperti di **Lampiran Q**

Penyelarasan Bantuan Luar

53. Perintah Tetap Operasi bagi penyelarasan bantuan luar adalah seperti di **Lampiran R**

PERKARA 21: KENYATAAN DAN LAIN-LAIN PERUTUSAN

54. Semasa kejadian Bencana, hanya fakta-fakta penting yang tertentu sahaja dimaklumkan kepada orang ramai melalui media secara berterusan bagi mengelakkan berlakunya kekeliruan yang tidak diingini. Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana, Agensi Peneraju, Komander Operasi Bencana atau pegawai yang diberi kuasa oleh Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana sahaja boleh mengeluarkan kenyataan kepada media massa jika perlu.

55. Perintah Tetap Operasi bagi penyebaran maklumat adalah seperti di **Lampiran S**

BAHAGIAN IX: PENGURUSAN PEMULIHAN BENCANA

PERKARA 22: PEMULIHAN BENCANA (*RECOVERY*)

56. Tindakan pemulihan pasca bencana yang dijalankan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai adalah seperti berikut :

- (a) . Pembersihan sisa pasca bencana :
 - i. Banjir ;
 - ii. Kebakaran ;
 - iii. Pokok tumbang ;
 - iv. Kemalangan ;
 - v. Pandemik ;

- (b) Pembukaan Pusat Transit Sementara (PTS) :
 - i. Pembukaan PTS ;
 - ii. Kawalan lalulintas ;
 - iii. Kawalan vector dan bau ;
 - iv. Kemasukan sampah ke PTS ;
 - v. Pengeluaran sampah dari PTS ;
 - vi. Penutupan PTS;

- (c) Pembaikpulihan kerosakan struktur akibat bencana :
 - i. Siarkaki awam ;
 - ii. Railing ;
 - iii. Lampu Jalan / Lampu Isyarat ;
 - iv. Harta Majlis ;
 - v. Cerun Bukit ;
 - vi. Jalan berlubang

57. Perintah Tetap Operasi bagi tindakan pemulihan pasca bencana adalah seperti di **Lampiran T**

58. Perintah Tetap Operasi bagi penyelarasan bantuan luar bagi aktiviti pasca bencana adalah seperti di **Lampiran U**

BAHAGIAN X: PERUNTUKAN AM

PERKARA 23: LATIHAN DAN KURSUS

59. Semua Jabatan dan badan-badan sukarela yang terlibat dalam pengurusan Bencana hendaklah mengadakan program latihan dan kursus yang bersesuaian bagi mempertingkatkan keupayaan pegawai-pegawai dalam mengurus dan mengendalikan Bencana.
60. Senarai Latihan yang diperlukan bagi meningkatkan kecekapan pengendalian bencana adalah disenaraikan dalam **Lampiran V**.

PERKARA 24: RASIONALISASI PELAN INI

61. Pelan ini diwujudkan bagi menggariskan tindakan yang diambil oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai selari dengan Arahan MKN No. 20: Dasar dan Mekanisme Pengurusan bencana Negara.
62. Pelan ini diwujudkan bagi menerangkan tindakan pengurusan pra-bencana, semasa bencana dan pasca bencana yang diambil oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai dan kurang diperjelaskan dalam Arahan MKN No. 20.

PERKARA 25: PERMULAAN KUAT KUASA DAN PEMAKAIAN PELAN INI

63. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan di antara Pelan ini dengan mana – mana Peraturan atau Perintah Tetap Operasi yang dikeluarkan oleh mana – mana Jabatan berhubungan dengan mekanisme pengurusan Bencana, Pelan ini hendaklah mengatasi Peraturan atau Perintah Tetap Operasi tersebut.

**YBHG. DATO' SR HJ ROZALI MOHAMUD
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MERANGKAP PENGARAH GERAKAN BENCANA SEBERANG PERAI**

Bertarikh : Disember 2017